

MT hargai keputusan Gua Musang: Khalil

BH 15 APR 2000
Oleh Misihaib

KUCHING, Jumaat – Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, menyifatkan keputusan Jawatankuasa Umno bahagian Gua Musang mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk dua jawatan tertinggi parti sebagai mematuhi nasihat Majlis Tertinggi (MT).

“Jika itu keputusan jawatankuasa Umno bahagian itu, kita menghargainya. Itu bermakna mereka mematuhi nasihat MT mengenai jawatan nombor satu dan dua dalam parti,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan pegawai Jabatan Penerangan dan Penyiaran di Auditorium RTM Kuching di sini, petang ini.

Khalil memberitahu demikian sewaktu diminta mengulas keputusan Umno bahagian itu yang bermesyuarat hari ini. Mesyuarat itu turut mencalonkan

Tengku Razaleigh Hamzah untuk bertanding jawatan Naib Presiden.

Dua lagi calon Naib Presiden yang dikemukakan bahagian itu ialah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Osu Sukam.

Mesyuarat itu, yang dipengerusikan Tengku Razaleigh, mengemukakan nama berkenaan berikutan keputusan mesyuarat perwakilan bahagian itu pada 31 Mac lalu menyerahkan kepada jawatankuasa bahagian membuat pencalonan bagi semua jawatan tertinggi untuk pemilihan parti Mei ini.

Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata, jawatankuasa pengurusan Umno akan memproses nama mereka yang dicalonkan untuk bertanding, kerana mereka perlu menghantar surat tawaran, jika mereka dicalonkan.

“Dalam hal ini, Ibu Pejabat Umno telah pun menghantar sebahagian surat ini untuk menanyakan kepada mereka yang ingin bertanding sesuatu jawatan.

“Dalam surat kita akan datang, kita akan turut menanyakan kepada pihak Tengku Razaleigh, kalau

beliau sendiri nak bertanding atau tidak. Beliau perlu memberi jawapan dan kita akan hantar surat kepadanya,” katanya.

Beliau berkata, surat akan dihantar kepada semua mereka yang dicalonkan termasuk untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden, meski pun tidak ada tentangan, surat tetap dihantar sebagai mematuhi peraturan.

Khalil menyifatkan mesyuarat yang diadakan oleh Umno bahagian Gua Musang dan Tawau sebagai agak luar biasa dan ianya perlu dibincangkan lagi oleh Majlis Tertinggi.

“Saya anggap agak luar biasa kerana pencalonan diserahkan kepada jawatankuasa dan jawatankuasa mengambil masa agak lama sebelum membuat pencalonan. Ini semua akan kita kaji,” katanya.

Kepada satu lagi soalan, Khalil berkata pihaknya tidak menerima sebarang

permohonan untuk membuka cawangan Umno di Sarawak setakat ini.

“Tidak ada permohonan diterima setakat ini. Kita telah sebut banyak kali bahawa kita gembira dengan kerajaan negeri sekarang dan tidak ada masalah timbul antara Umno Pusat dengan Barisan Nasional (BN) Sarawak.

“Kita amat gembira dan kita menyokong BN Sarawak yang ada sekarang. Yang ini dah jelas... Perdana Menteri... Timbalan Perdana Menteri dan Setiausaha Agung Umno, semuanya sudah menjelaskan perkara ini,” katanya.

Mengenai lawatan rasmi ke Sarawak itu, beliau berkata, tujuannya ialah mengadakan perjumpaan dengan pegawai serta kakitangan kementerian bagi memberi penjelasan mengenai usaha meningkatkan lagi mutu laporan dan penerangan kepada orang ramai.